

## MEREKA SANGGUP BERHENTI NIAGA

# 67 Exco patuh arahan kerja sepenuh masa

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Sekurang-kurangnya 67 orang Ahli Exco Kerajaan-kerajaan Negeri bersetuju mematuhi arahan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meletakkan jawatan dan menghentikan perniagaan masing-masing untuk berkhidmat sepenuh masa dengan Kerajaan.

Mereka ialah lapan dari Perak, Trengganu, Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka; tujuh dari Kedah,

enam dari Johor, empat dari Perlis, dua dari Pahang dan sebahagian dari Kelantan.

Tindakan itu setelah mereka berpuashati pendapatan bulanan yang diterima sebanyak \$3,000 sebagai Ahli Exco ditambah \$2,000 elaun Ahli Dewan Undangan Negeri, \$1,000 elaun rumah dan \$1,000 lagi elaun keralan.

Di samping itu, mereka juga mendapat sebuah kereta Mercedes Benz 200, seorang pemandu, tukang kebun, amah serta kemudahan-kemudahan bil air dan elektrik dengan percuma.

Lain-lain Ahli EXCO yang belum bersetuju akan berbuat demikian tidak lama lagi sejajar dengan hasrat pentadbiran Kerajaan baru pimpinan Datuk

Seri Dr. Mahathir.

Perdana Menteri mengingatkan Rabu lalu bahawa Ahli-ahli Excc hendaklah meninggalkan perniagaan peribadi jika ingin terus berkhidmat dengan Kerajaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberi dua pilihan kepada Ahli-ahli Exco sama ada berhenti berniaga untuk berkhidmat dengan Kerajaan atau meninggalkan Kerajaan bagi menumpukan perniagaan mereka.

Di Selangor, semus Ahli Exco telahpun mengisytiharkan jumlah harta masing-masing serta meletakkan jawatan dari syarikat-syarikat yang dipegang mereka selama ini.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 12,400 .....  
No. Penermaan ..... 4033/87 .....